

## Family Variables and Self Concept Variables (Part 12)

Siti Sarawati Binti Johar

### 4.4 Kajian Habibah (1970)

Dilaporkan bahawa kebanyakan anak sebenarnya amat mengharapkan penglibatan ibu bapa boleh menunjukkan rasa berminat dengan aktiviti mereka sama ada di sekolah atau di rumah. Anak-anak juga dikesan sentiasa mahukan ibu bapa sebagai tempat mereka mengadu dan meluahkan masalah. Ini adalah didasari faktor kenyataan bahawa ibu bapa adalah insan paling rapat buat anak-anak di rumah. Justeru, dari sudut pronya agak jelas bahawa penglibatan keluarga khususnya ibu bapa adalah amat penting dalam usaha memupuk konsep sendiri yang lebih bermakna. Di samping itu, ibu bapa yang memiliki rasa penghargaan sendiri yang tinggi juga didapati agak mesra dengan ahli keluarga serta memandang anak sebagai suatu elemen yang terdekat dan paling penting. Peraturan yang dikenakan kepada anak adalah jelas dan sebab-sebab diberitahu kepada anak. Ini adalah penting bagi mengelakkan anak-anak merasa keliru, sehingga terdorong untuk melakukan sesuatu yang melanggar fitrah atau tuntutan moral sejagat. Peruntukan masa yang disediakan oleh ibu bapa untuk melakukan aktiviti faedah bersama anak-anak seperti gotong royong membersihkan rumah, berkelah, memancing dan sesi usrah adalah sesuatu yang amat bernilai dan berharga dalam proses pembentukan sendiri anak. Ia pasti akan menjanjikan suatu yang turut bermakna buat diri dan keperibadian anak yang sihat dan normal bersama keperluan memberikan pujian, dorongan dan galakan kepada anak-anak untuk sentiasa berusaha ke arah kebaikan.

### 4.5 Kajian Deitz (1969)

Kajian dilaksanakan terhadap 40 orang remaja delinkuen dan 42 orang remaja bukan delinkuen dalam lingkungan usia 14 – 18 tahun.<sup>1</sup> Tujuan kajian ini adalah untuk menilai dan membandingkan konsep sendiri, penerimaan diri dan pengecaman ibu bapa antara diri sendiri dengan ibu bapa.

- Subjek diminta memberikan respon tentang :
- i. 'Saya adalah diri saya'
  - ii. 'Saya adalah seperti yang saya inginkan'
  - iii. 'Bapa adalah seperti dirinya sendiri'
  - iv. 'Ibu adalah seperti dirinya sendiri'
  - iv. 'Saya adalah seperti yang dilihat oleh bapa'
  - v. 'Saya adalah seperti yang dilihat oleh ibu'

Hasil kajian kemudiannya didapati yang kumpulan delinkuen mempunyai perbezaan yang besar antara kiraan konsep sendiri dengan kiraan sendiri ideal ( untuk pernyataan (i dan ii). Disifatkan delinkuen memiliki penerimaan diri yang lebih rendah. Delinkuen juga percaya mereka kurang memahami ibu bapa mereka.

CONTINUE...